

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI  
ABDUL KARIM [ BATANG LUPAR ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang perubahan Revolusi Industri 4.0 yang perlu diteruskan dengan baik berikutan perubahan teknologi yang tidak dapat dikekang dalam mendepani arus kemodenan dunia antarabangsa. Adakah Kerajaan bersedia untuk mengatasi tambahan pengangguran yang bakal berlaku dan apa tindakan Kerajaan untuk mengatasi Revolusi Industri 4.0.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri 4.0 dijangka akan memberi kesan yang sangat signifikan kepada pasaran buruh dan pekerjaan seperti pewujudan dan penghapusan pekerjaan (*job displacement*), peningkatan produktiviti buruh dan jurang kemahiran yang semakin meluas. Oleh itu, modal insan negara perlu mempunyai kemahiran yang relevan dan sentiasa memenuhi keperluan pasaran dan ekonomi negara yang dinamik. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi Bersama bagi menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan Bakat (*Technical Working*

## SOALAN NO: 4

*Group-Skills*) di bawah Industry4WRD yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

2. Selaras dengan itu, pelbagai usaha dilaksanakan oleh KSM dalam memperkukuh kompetensi sumber manusia bagi mengenal pasti pekerjaan yang bersesuaian dalam menghadapi Industri 4.0 melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya. Langkah-langkah yang diambil oleh KSM adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;
- (ii) mengadakan sesi libat urus dengan pihak industri bersama jabatan/agensi terlibat bagi memberi gambaran jelas berkaitan Industri 4.0. Maklumat hasil perkongsian daripada sesi ini akan seterusnya digunakan untuk mengkaji dan meneliti keperluan tenaga kerja bagi menghadapi Industri 4.0 seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan baharu; dan
- (iii) memperluas akses kepada warganegara untuk mendapatkan Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat 562 buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri (sumber: Statistik Pekerjaan dan Perburuhan Siri 19 Bil.1/2019).
- (iv) menyediakan perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja. Bagi memenuhi keperluan semasa dan menambah baik kecekapan pasaran buruh, Portal

#### SOALAN NO: 4

*JobsMalaysia* telah dirombak serta dinaikkan taraf dan dikenali sebagai Portal JM2.0 yang telah dilancarkan pada September 2018;

- (v) menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya, penempatan melalui *Client Account*, Temuduga Terbuka, Program Kerjasama Antara Agensi. Bagi tempoh Januari-Jun 2019, seramai 22,563 orang pencari kerja telah berjaya mendapat penempatan;
- (vi) mewujudkan pusat sehenti menggabungkan agensi seperti *JobsMalaysia*, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).
- (vii) melaksanakan program *Graduates Enhancement Programme For Employability* (GENERATE 2.0) bertujuan membantu golongan muda di kalangan graduan menganggur untuk mengikuti latihan dalam bidang berimpak tinggi.
- (viii) mengukuhkan dan memperkasakan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) melalui pelbagai program dan kerjasama bagi mengurangkan jurang ketidakpadanan kemahiran dengan keperluan industri. Program SLDN menawarkan latihan berasaskan industri dengan 70% latihan praktikal di syarikat dan 30% teori di institusi latihan; dan
- (ix) melaksanakan program *Structured Internship Programme* (SIP) yang diterajui Talent Corp dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).